

Akibat penerokaan tanah baharu dan aktiviti pembalakan yang tidak terkawal

Sungai di Hulu Kelantan tercemar

GUA MUSANG – Beberapa sungai utama di Hulu Kelantan dekat sini didakwa menghadapi pencemaran teruk akibat penerokaan tanah baharu dan aktiviti pembalakan yang tidak terkawal.

Ahli Dewan Undangan Negeri (DUN) Galas, Ab. Aziz Yusof (**gambar kecil**) mendakwa, antara sungai yang paling teruk tercemar ialah Sungai Belatop di Lojing, Sungai Galas, Sungai Nenggiri dan Sungai Lebir.

Menurutnya, pencemaran sungai tersebut dipercayai menjejaskan kesihatan penduduk yang menggunakan air sungai berkenaan.

Malah katanya, keadaan sungai yang berlumpur memusnahkan hi-

dupan sungai khususnya ikan hingga menjejaskan pendapatan nelayan.

“Keadaan itu berlaku kerana kurang pengawasan dan pemantauan terhadap pembukaan kawasan perladangan baharu dan pembalakan menyebabkan berlaku hakisan serius,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan penubuhan Pasukan Pemantau Pencemaran peringkat Parlimen Gua Musang di Kampung Batu Papan di sini kelmarin.

Ab. Aziz berkata, perkara itu seharusnya diberi perhatian serius oleh kerajaan negeri termasuk memantau pembukaan kawasan ladang baharu dan pembalakan di kawasan Hulu Kelantan.



KEADAAN Sungai Belatop di Lojing, Hulu Kelantan yang keruh akibat pembukaan kawasan perladangan baharu dan pembalakan sehingga berlaku hakisan yang teruk.